Your Bank of Choice

Terma dan Syarat
Kempen Aktifkan Akaun, Lakukan Transaksi dan Menang

Kempen Aktifkan Akaun, Lakukan Transaksi dan Menang (Kempen) ini dianjurkan oleh Bank Rakyat.

Dengan menyertai Kempen ini, Pelanggan Yang Layak (seperti yang ditakrifkan di bawah) harus membaca dan memahami sepenuhnya dan bersetuju untuk terikat dengan Terma dan Syarat yang terkandung di sini.

A. Kelayakan Kempen

1. Kempen ini hanya terbuka kepada pelanggan individu baharu dan sedia ada (perseorangan, bersama dan amanah) ("Pelanggan Layak") dengan Akaun Simpanan-i, Akaun Semasa-i dan Akaun Pelaburan-i (CASAIA-i) yang aktif sepanjang tempoh kempen.

2. Pemegang akaun CASAIA-i individu yang berstatus dorman dan mengaktifkan semula akaun mereka dalam tempoh kempen juga layak menyertai kempen ini.

3. Wargakerja Bank Rakyat adalah tidak layak untuk menyertai kempen ini.

4. Individu yang mempunyai sebarang tunggakan, keingkaran atau tindakan undang-undang terhadap kemudahan sedia ada atau pembiayaan dengan Bank semasa tempoh Kempen TIDAK layak untuk menyertai kempen ini.

B. Tempoh Kempen

1. Tempoh kempen adalah dari **15 Oktober 2026 hingga 14 April 2027** (6 bulan), termasuk kedua-dua tarikh tersebut.

2. Kempen akan dijalankan mengikut tempoh berikut:

Bulan	Bulan Kelayakan Kempen
1	15 Oktober 2026 – 14 November 2026
2	15 November 2026 – 14 Disember 2026
3	15 Disember 2026 – 14 Januari 2027
4	15 Januari 2027 – 14 Februari 2027
5	15 Februari 2027 – 14 Mac 2027
6	15 Mac 2027 – 14 April 2027

3. Bank Rakyat boleh menukar atau meminda tempoh Kempen (melanjutkan, memendekkan atau memberhentikan) sekiranya perlu pada bila-bila masa.

C. Produk Terlibat

Semua produk deposit Bank Rakyat yang berasaskan konsep Qard, Tawarruq dan Mudarabah, seperti berikut:

- Akaun Simpanan-i
- Akaun Simpanan-i Tabung Qurban
- Akaun Simpanan-i untuk Ibadah Umrah
- Akaun Simpanan-i Nuri Kids
- Akaun Simpanan-i Nuri Teens
- Akaun Simpanan-i Nuri
- Akaun Semasa-i Elektronik
- Akaun Pelaburan-i Rizq Plus
- Akaun Simpanan-i Asas (Nuri)
- Akaun Simpanan-i Asas (Dewasa)
- Akaun Semasa-i Asas (Dewasa)
- Akaun Simpanan Premier-i Rakyat Xclusive (RX)
- Akaun Semasa Premier-i Rakyat Xclusive (RX)

D. Mekanisme Kempen

1. Pelanggan Layak hendaklah mengaktifkan semula, membuka dan/atau mengekalkan mana-mana akaun yang disenaraikan di bawah Perkara C (Produk Terlibat) sepanjang Tempoh Kempen.

2. Maklumat syarat kempen, penyertaan yang diperoleh, kekerapan cabutan, hadiah dan bilangan pemenang adalah seperti yang dinyatakan dalam **Lampiran 1**.

3. Pelanggan Layak akan memperoleh penyertaan kempen berdasarkan transaksi yang layak, penyertaan dalam pembayaran berulang serta pertumbuhan deposit bulanan yang diperoleh dalam Bulan Kelayakan Kempen yang berkaitan bagi setiap Produk Terlibat.

4. Bagi tujuan Kempen ini, Transaksi Layak merangkumi transaksi aliran masuk (dana yang diterima) dan aliran keluar (dana yang dipindahkan) yang berjaya dilakukan melalui Produk Terlibat.

5. Pertumbuhan Deposit Bulanan dikira berdasarkan formula berikut:
Pertumbuhan Deposit Bulanan = Baki Akhir Bulan Semasa (MEB) − Baki Akhir Bulan Sebelumnya (MEB)
Di mana:

- Baki Akhir Bulan Semasa (MEB) merujuk kepada baki pada akhir Bulan Kelayakan Kempen yang berkaitan.
- Baki Akhir Bulan Sebelumnya (MEB) merujuk kepada baki pada akhir bulan sebelumnya.

6. Penyertaan Bonus akan diberikan sekali bagi setiap arahan pembayaran berulang dan/atau sumbangan wakaf berulang yang layak, yang dikekalkan dan dilaksanakan melalui laman web perbankan dalam talian atau aplikasi mudah alih iRakyat selama dua (2) Bulan Kelayakan Kempen berturut-turut.

7. Cabutan Hadiah akan dilaksanakan dalam tempoh satu (1) bulan selepas berakhirnya Tempoh Kelayakan Cabutan Hadiah yang berkenaan. Sebagai contoh, sekiranya Tempoh Kelayakan Cabutan Hadiah berakhir pada 14 Disember 2026, Cabutan Hadiah akan diadakan selewat-lewatnya pada 14 Januari 2027.

8. Bank Rakyat boleh menyemak semula tarikh atau kekerapan Cabutan Hadiah dari semasa ke semasa sebagaimana yang difikirkan sesuai.

E. Pemilihan Pemenang

1. Ganjaran Pulangan Tunai akan dikreditkan ke dalam akaun CASAIA-i milik seratus (100) pelanggan layak terawal setiap bulan, dengan syarat memenuhi kriteria kelayakan.

2. Bagi pelanggan layak yang mempunyai lebih daripada satu akaun deposit, semua penyertaan kempen yang diperoleh daripada setiap akaun deposit akan digabungkan untuk menentukan jumlah penyertaan kempen yang terkumpul.

3. Bagi Cabutan Hadiah Dwi-Bulanan, sebarang penyertaan yang diperoleh dalam tempoh kelayakan yang berkenaan tidak akan dibawa ke tempoh kelayakan seterusnya. Pelanggan Layak hendaklah terus mengekalkan atau meningkatkan baki akaun mereka setiap bulan bagi melayakkan diri untuk cabutan hadiah dwi-bulanan yang berkaitan.

4. Pelanggan Layak hanya boleh memenangi satu (1) hadiah dwi-bulanan sepanjang Tempoh Kempen. Walau bagaimanapun, pemenang hadiah dwi-bulanan masih berpeluang memenangi Hadiah Utama.

5. Semua penyertaan kempen yang diperoleh secara bulanan sepanjang Tempoh Kempen akan dikumpulkan untuk Cabutan Hadiah Utama.

6. Pemenang akan dipilih melalui sistem cabutan dan dinilai oleh Jawatankuasa Pemilihan Pemenang yang dilantik khusus bagi Kempen ini. Keputusan jawatankuasa adalah muktamad.

7. Hadiah wang tunai Cabutan Hadiah akan dikreditkan ke dalam akaun Bank Rakyat milik pemenang.

8. Pemenang akan diumumkan melalui platform rasmi Bank Rakyat seperti laman web dan media sosial Bank (Instagram, Facebook dan Threads).

9. Pemenang yang terpilih dikehendaki hadir ke majlis penyampaian hadiah dan/atau program publisiti lain apabila dimaklumkan oleh pihak Bank.

10. Bank Rakyat berhak menggantikan hadiah sedia ada dengan hadiah lain yang setara nilainya sekiranya perlu. Hadiah tidak boleh dipindah milik kepada mana-mana pihak ketiga atau ditukar dengan bentuk lain.

11. Semua keputusan adalah muktamad. Sebarang surat-menyurat, pertikaian dan rayuan tidak akan dilayan. Pemenang akan dimaklumkan melalui khidmat pesanan ringkas (SMS) atau panggilan telefon atau kaedah lain yang difikirkan sesuai oleh Bank Rakyat.

12. Bank Rakyat berhak untuk membatalkan kelayakan mana-mana Pelanggan yang Layak sekiranya terdapat transaksi mencurigakan, kegagalan bayaran kemudahan Bank, akaun ditutup sebelum pemakluman pemenang, unsur penipuan, atau pelanggaran mana-mana Terma dan Syarat Kempen.

F. Terma dan Syarat Umum

1. Dengan menyertai Kempen ini, peserta atau pelanggan bersetuju dan membenarkan data peribadi mereka dikumpulkan, diproses dan digunakan oleh Bank Rakyat mengikut Notis Privasi Bank Rakyat, yang boleh dilihat di **www.bankrakyat.com.my**

2. Peserta atau pelanggan bersetuju memberi hak eksklusif kepada Bank Rakyat untuk mencetak atau menyiarkan nama dan gambar penerima hadiah untuk tujuan promosi dalam akhbar, majalah, laman sesawang korporat Bank Rakyat atau mana-mana saluran media yang bersesuaian.

3. Dengan menyertai Kempen ini, peserta atau pelanggan bersetuju untuk membenarkan Bank, anak-anak syarikat, sekutu, pemegang lesen, pengarah, pegawai, ejen, kontraktor bebas dan agensi pengiklanan menggunakan nama pelanggan dan butiran peribadi (jika diperlukan) untuk tujuan komunikasi, promosi, secara keseluruhan, dalam mana-mana dan semua media sekarang atau yang telah dirancang, tanpa bayaran tambahan, melainkan jika dilarang oleh undang-undang.

4. Melainkan diperuntukkan secara khusus atau sebaliknya, Bank boleh meminda, membatalkan atau menambah Terma dan Syarat ini dari semasa ke semasa dengan memberi notis terlebih dahulu di laman sesawang Bank atau medium komunikasi yang bersesuaian dan sebarang pindaan, pembatalan atau penambahan itu akan berkuat kuasa selepas notis dikeluarkan.

5. Bank Rakyat boleh menolak dan/atau mengeluarkan sebarang penyertaan yang tidak tepat, tidak lengkap, mencurigakan dan tidak sah serta tidak memenuhi -syarat seperti yang dinyatakan dalam Terma dan Syarat.

6. **PENAFIAN: TERTAKLUK KEPADA APA YANG DIBENARKAN OLEH UNDANG-UNDANG, BANK RAKYAT DAN ANAK SYARIKATNYA TIDAK AKAN BERTANGGUNGJAWAB KEPADA PELANGGAN ATAU PENDEPOSIT ATAU MANA-MANA PIHAK KETIGA (KECUALI UNTUK LIABILITI YANG TIMBUL DARIPADA KECUAIAN MELAMPAU, SALAH LAKU, SENGAJA, FRAUD ATAU KEINGKARAN SENGAJA BANK RAKYAT) UNTUK KEROSAKAN LANGSUNG, TIDAK LANGSUNG, KHAS, SAMPINGAN, GANTI RUGI TAULADAN ATAU AKIBAT KEROSAKAN (TERMASUK KEHILANGAN PENGGUNAAN, DATA, PERNIAGAAN ATAU KEUNTUNGAN) YANG TIMBUL DARIPADA ATAU BERKAITAN DENGAN PENYERTAAN ANDA DALAM KEMPEN INI, SAMA ADA LIABILITI TERSEBUT BERLAKU BERPUNCA DARIPADA APA-APA TUNTUTAN BERASASKAN KEPADA KONTRAK, JAMINAN, TORT (TERMASUK KECUAIAN), LIABILITI KETAT ATAU SEBALIKNYA DAN SAMA ADA PELANGGAN ATAU PENDEPOSIT TELAH DINASIHATKAN ATAU TIDAK KEMUNGKINAN KERUGIAN ATAU KEROSAKAN BOLEH BERLAKU.**

7. Bank Rakyat tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kemungkinan yang disebabkan bencana alam, peperangan, rusuhan, perintah berkurung, kebakaran, banjir, kemarau, ribut, epidemik, pandemik, kegagalan sistem atau sebarang situasi di luar kawalan Bank Rakyat.

8. Dengan menyertai kempen ini, peserta atau pelanggan dianggap telah membaca, memahami dan bersetuju untuk menepati terma dan syarat yang terkandung di sini, termasuk keputusan yang dibuat oleh Bank Rakyat yang dianggap muktamad, terikat dan menyeluruh.

9. Terma dan Syarat ini tertakluk dan ditafsirkan mengikut undang-undang Malaysia. Untuk maklumat dan pertanyaan lanjut, sila hubungi pusat panggilan di talian 1300 80 5454; atau kunjungi mana-mana cawangan Bank Rakyat; atau layari **www.bankrakyat.com.my**

Your Bank of Choice

Lampiran 1: Butiran syarat kempen, penyertaan yang diperoleh, kekerapan cabutan hadiah, hadiah dan bilangan pemenang

Pelanggan yang Layak yang memenuhi kriteria kelayakan yang ditetapkan dalam **Jadual A** (Aktifkan Akaun & Terima Pulangan Tunai) dan/atau **Jadual B** (Ganjaran Cabutan Hadiah) layak menerima Ganjaran Pulangan Tunai yang berkaitan serta Penyertaan Kempen bagi tujuan penyertaan dalam Cabutan Hadiah Kempen.

Jadual A: Aktifkan Akaun & Terima Pulangan Tunai

Kriteria Kelayakan	Ganjaran
Aktifkan akaun dorman sepanjang Tempoh Kempen; melakukan sekurang-kurangnya satu (1) transaksi yang layak (di kaunter, Pindahan dana DuitNow, pembayaran DuitNow QR, FPX atau Kad Debit); dan mengekalkan baki minimum akaun sebanyak RM100 selama tiga puluh (30) hari berturut-turut dari tarikh pengaktifan semula akaun.	Pulangan Tunai RM50 (100 pelanggan pertama yang layak setiap bulan)

Jadual B: Ganjaran Cabutan Hadiah

<table>
<tr><th>Kekerapan Cabutan Hadiah</th><th>Kriteria Kelayakan</th><th>Hadiah</th><th>Tempoh Kelayakan Cabutan Hadiah</th><th>Bulan Cabutan Hadiah</th></tr>
<tr><td rowspan="4">Cabutan Hadiah Dwi-Bulanan</td><td rowspan="4">Pelanggan yang layak boleh memperoleh Penyertaan Cabutan Hadiah melalui aktiviti-aktiviti berikut:
<table>
<tr><th>Aktiviti</th><th>Penyertaan</th></tr>
<tr><td>Lakukan dua (2) transaksi yang layak dengan nilai minimum RM50 bagi setiap transaksi.
Transaksi Layak:
• Pindahan dana DuitNow
• Pembayaran DuitNow QR
• FPX
• IBG / Pindahan Segera (Instant Transfer)
• Transaksi Kad Debit-i</td><td>1 penyertan</td></tr>
<tr><td>Pertumbuhan Deposit Bulanan RM500 - RM4,999</td><td>3 penyertaan</td></tr>
<tr><td>Pertumbuhan Deposit Bulanan RM5,000-RM19,999</td><td>6 penyertaan</td></tr>
<tr><td>Pertumbuhan Deposit Bulanan RM20,000 dan ke atas</td><td>9 penyertaan</td></tr>
</table></td><td rowspan="3">RM1,000 hadiah tunai x 30 pemenang</td><td>15 Oktober 2026 – 14 Disember 2026</td><td>15 Disember 2026 – 14 Januari 2027</td></tr>
<tr><td>15 Disember 2026 – 14 Februari 2027</td><td>15 Februari 2027 – 14 Mac 2027</td></tr>
<tr><td>15 Februari 2027 – 14 April 2027</td><td>15 April 2027 – 14 Mei 2027</td></tr>
<tr><td>Cabutan Hadiah Utama</td><td>Daftar dan kekalkan sekurang-kurangnya satu (1) arahan pembayaran berulang yang aktif dan/atau sumbangan Wakaf berulang melalui iRakyat bagi tempoh dua (2) Bulan Kelayakan Kempen berturut-turut.
5 Bonus Penyertaan</td><td>RM15,000 hadiah tunai x 3 pemenang</td><td>15 Oktober 2026 – 14 April 2027</td><td>15 April 2027 – 14 Mei 2027</td></tr>
</table>

Nota: Mata Penyertaan yang diperoleh bagi setiap Bulan Kelayakan Kempen akan dikumpulkan mengikut Tempoh Kelayakan Cabutan Hadiah yang berkenaan dalam Jadual B untuk tujuan pemilihan pemenang.